

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)**, dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor/ syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/ perkhidmatan/ bekalan berikut:

No. Sebut Harga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S211/2024	Kerja-Kerja Membina Hentian Bas Di Jalan Seksyen 3/1A, Taman Kajang Utama, Kajang, Serta Kerja-Kerja Berkaitan Dengannya, MP Kajang	CIDB G1	CE21	RM100.00	3 September 2024 Hingga 10 September 2024
MPKj S212/2024	Kerja-Kerja Membina Hentian Bas Di Hadapan Hotel Reko Inn, Jalan Reko, Kajang, Serta Kerja-Kerja Berkaitan Dengannya, MP Kajang				
MPKj S213/2024	Kerja-Kerja Membina Hentian Bas Di Jalan Cheras Prima 1, Taman Cheras Prima, Kajang, Serta Kerja-Kerja Berkaitan Dengannya, MP Kajang				
MPKj S214/2024	Kerja-Kerja Membina Hentian Bas Di Jalan CJ 16, Taman Cheras Jaya, Cheras, Serta Kerja-Kerja Berkaitan Dengannya, MP Kajang				
MPKj S215/2024	Kerja-Kerja Membina Hentian Bas Di Persiaran Karunmas, Taman Desa Karunmas, Cheras, Serta Kerja-Kerja Berkaitan Dengannya, MP Kajang				
MPKj S216/2024	Kerja-Kerja Membina Hentian Bas Di Hadapan Apartment Teratai, Taman Cheras Prima, Cheras, Serta Kerja-Kerja Berkaitan Dengannya, MP Kajang				
MPKj S217/2024	Kerja-Kerja Membina Hentian Bas Di Jalan Cheras Prima 6, Taman Cheras Prima, Cheras, Serta Kerja-Kerja Berkaitan Dengannya, MP Kajang				
MPKj S218/2024	Kerja-Kerja Membina Hentian Bas Di Jalan Sinaran 2, Taman Industri Balakong Jaya, Cheras, Serta Kerja-Kerja Berkaitan Dengannya, MP Kajang				
MPKj S219/2024	Kerja-Kerja Membina Hentian Bas Di Jalan CJ 8, Taman Cheras Jaya, Cheras, Serta Kerja-Kerja Berkaitan Dengannya, MP Kajang				
MPKj S220/2024	Kerja-Kerja Membina Hentian Bas Di Hadapan Surau Ar-Rahman, Jalan 2/1, Taman Kajang Utama, Kajang, Serta Kerja-Kerja Berkaitan Dengannya, MP Kajang				

No. Sebut Harga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S221/2024	Kerja-Kerja Membina Hentian Bas Di Hadapan Taman Sri Nanding, Jalan Hulu Langat, Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Berkaitan Dengannya, MP Kajang	CIDB G1	CE21	RM100.00	3 September 2024 Hingga 10 September 2024
MPKj S222/2024	Kerja-Kerja Membina Hentian Bas Di Jalan Sungai Sekamat, Taman Kasih, Kajang, Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Berkaitan Dengannya, MP Kajang				
MPKj S223/2024	Kerja-Kerja Membina Hentian Bas Di Jalan Berlian 1, Taman Berlian, Kajang, Serta Kerja-Kerja Berkaitan Dengannya, MP Kajang				
MPKj S224/2024	Kerja-Kerja Menaiktaraf Pondok Bas Di Hadapan Taman Tan Sri Manickavasagam, Jalan Semenyih, Semenyih, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya				

DOKUMEN MEJA TAWARAN

Penyebut Harga boleh merujuk Dokumen Meja Tawaran di laman sesawang Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) di <https://www.mpkj.gov.my>.

Penyebut Harga terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara dalam talian di laman sesawang <https://tender.selangor.my> dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran.

Sila pastikan **MAKLUMAT SYARIKAT** (nombor telefon yang boleh dihubungi dan email) di dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 **DIKEMASKINI**.

Pembelian Dokumen Tawaran secara dalam talian adalah wajib melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup sebut harga. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di muka surat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **3 SEPTEMBER 2024 HINGGA 10 SEPTEMBER 2024**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dimasukkan ke dalam Peti Tawaran** atau menggunakan perkhidmatan Pos Berdaftar/ Kurier dan memastikan Dokumen tersebut selamat tiba **SEBELUM atau PADA 10 SEPTEMBER 2024 (SELASA) JAM 12.00 TENGAH HARI** di alamat:

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kajang
(Peti Sebut Harga/ Tender)
Tingkat 4
Bahagian Pengurusan Kontrak dan Ukur Bahan
Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih
Off Jalan Semenyih
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan

Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Pihak tuan/ puan digalakkan menghantar Dokumen Tawaran seawal tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan.

LAWATAN TAPAK

Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan. Namun begitu, Penyebut Harga dinasihatkan supaya melawat tapak projek sebelum mengemukakan sebut harga bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan tapak bina yang akan dihadapi. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah pembinaan atau menghargakan sebut harga disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak bina tidak akan dilayan.